

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 20
RUANGAN : NASIONAL

1,150 lagi doktor kontrak ditempatkan di hospital

Kota Bharu: Seramai 675 pegawai perubatan kontrak yang tamat menjalani latihan siswazah, sudah ditempatkan di sebahagian fasiliti kesihatan seluruh negara pada bulan lalu bagi menangani kekosongan jawatan doktor termasuk di Hospital Kuala Lumpur (HKL) berikutan perpindahan ke negeri.

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa, berkata baki 1,150 pegawai perubatan kontrak yang juga tamat latihan siswazah, akan diagihkan mulai hari ini untuk penempatan ke fasiliti kesihatan meliputi hospital.

"Memang itu (kekosongan jawatan) adalah ekseseis biasa yang berlaku di Kementerian tetapi setakat hari ini (semalam), seramai 675 pegawai perubatan kontrak yang tamat latihan siswazah sudah ditempatkan di fasiliti kesihatan seluruh negara pada Julai 2023.

"Ada lagi 1,150 pegawai perubatan kontrak yang tamat latihan siswazah, akan kita agihkan mu-



Dr Zaliha (tengah) bergambar bersama kakitangan pada Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Jabatan Kesihatan Kelantan, Kota Bharu, semalam.

(Foto Siti-Rohana Idris/Bf)

lai esok (hari ini), insya-Allah," katanya kepada pemberita pada Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Jabatan Kesihatan Kelantan, di sini, semalam.

Pada majlis itu, beliau turut menyampaikan sijil kepada 1,363 penerima anugerah. Yang turut hadir ialah Pengarah Kesihatan Kelantan, Datuk Dr Zaini Hussin.

Mengulas lanjut, Dr Zaliha mengaku berlaku sedikit penurunan bilangan doktor berikutan perpindahan ke negeri tetapi kekosongan itu akan diisi

dengan segera.

Beliau sekali gus memberi jaminan bahawa perkhidmatan kesihatan tidak akan terjejas kerana agihan dilakukan mengikut keperluan di setiap fasiliti terbabit.

"Memang akan ada sedikit pengurangan jumlah doktor sebab kita sudah pindahkan tetapi ia akan segera diisi oleh mereka yang tamat kontrak siswazah itu.

"Kita akan memastikan perkhidmatan kesihatan seluruh negara tidak terjejas... itu sudah pasti kerana kita sedang agihkan mengikut keperluan setiap fasiliti berkenaan," katanya.

Laporan portal berita kesihatan, CodeBlue sebelum ini mendakwa pemindahan untuk penempatan tetap membabitkan 4,200 pegawai perubatan, bakal turut menjejaskan HKL kerana hospital itu dijangka kehilangan 300 pegawai perubatan dengan majoritinya dikata akan dipindahkan ke Sabah dan Sarawak.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : LOKAL

Melaka

Jabatan Kesihatan Melaka mengesan satu wabak 'pertussis' atau batuk kokol membabitkan empat sekeluarga yang tinggal di sebuah rumah di Alor Gajah, 27 Julai lalu.

Exco Kesihatan, Sumber Manusia dan Perpaduan negeri, Ngwe Hee Sem berkata, kes pertama wabak itu membabitkan bayi berumur 40 hari yang masih belum layak menerima imunisasi DTAP-IPV-Hep B-Hib.

Beliau berkata, wabak itu kemudian menular dalam kalangan ahli keluarga lain yang tinggal dalam rumah itu membabitkan bapa bayi berusia 29 tahun, kakak (sembilan tahun) dan bapa saudara (32 tahun).

"Empat individu yang di-

Empat beranak berjangkit kena batuk kokol

*Pengesanan kes secara aktif dijalankan
PKD Alor Gajah dalam kalangan kontak rapat*

jangkiti batuk kokol itu tinggal bersama 12 lagi ahli keluarga yang lain dan kesemua mereka sudah diberikan rawatan dan berada dalam keadaan stabil.

"Sebagai tindak balas pada wabak pertussis ini, Pejabat

Kesihatan Daerah (PKD) Alor Gajah menjalankan aktiviti pengesanan kes secara aktif dalam kalangan kontak rapat yang dikenal pasti iaitu kontak rapat keluarga, rakan sekolah dan sekitar kawasan kediaman kes," kata-

nya pada kenyataan di sini, semalam.

Beliau berkata, kesemua kontak rapat yang bergejala diberikan rawatan 'prophylaxis' dan pengambilan sampel akan dilakukan, manakala kanak-kanak tercicir

imunisasi yang ditemui semasa aktiviti pengesanan kes tersebut akan diberikan imunisasi pertussis.

Katanya, pendidikan kesihatan menerusi ceramah, edaran risalah dan poster juga dilaksanakan sepanjang aktiviti pengesanan kontak rapat.

Dalam pada itu, Ngwe berkata, 10 kes batuk kokol membabitkan tiga wabak dalam kalangan ahli keluarga dilaporkan di Melaka dalam tempoh 1 Januari hingga 30 Julai tahun ini, berbanding sifar kes atau wabak dilaporkan dalam tempoh sama tahun lalu.

Beliau berkata, daripada jumlah itu, empat kes atau 40 peratus membabitkan bayi berumur bawah 12 bulan dan mereka adalah kumpulan umur yang mencatatkan

bilangan kes tertinggi.

Pertussis atau batuk kokol adalah penyakit cegahan vaksin yang disebabkan oleh bakteria 'bordetella pertussis' yang menjangkiti mulut, hidung dan tekak dan tersebar melalui udara semasa pesakit bersin atau batuk.

Bayi dan kanak-kanak yang tidak mendapat imunisasi lengkap adalah golongan yang paling berisiko tinggi untuk dijangkiti, namun ia juga boleh menjangkiti semua orang tanpa mengira usia terutama golongan rentan dan rendah imuniti.

Gejala lazim pertussis adalah batuk berpanjangan dalam tempoh satu hingga dua minggu dan ia boleh berlarutan sehingga dua bulan. - Bernama

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : LOKAL

Sasar pasang 111 AED

Kota Bharu: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menasarkankan pemasangan 111 unit peranti defibrilator luaran automatik (AED) di seluruh negara bagi membantu mangsa terkena serangan jantung.

Menterinya, Dr Zaliha Mustafa berkata, setakat ini, 73 unit AED dipasang termasuk di pusat beli-be-

lahi, stesen pengangkutan awam, sekolah, tempat ibadat, dan pejabat kerajaan.

Menurutnya, projek komuniti AED dilancarkan St John Ambulans Malaysia (SJAM) pada 2019 dan pemasangan peranti bermula pada 2020 untuk membantu pesakit jantung mendapatkan rawatan awal sebelum dibawa ke hospital.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NEGARA

1,150 pegawai perubatan kontrak isi kekosongan

KOTA BHARU – Seramai 1,150 pegawai perubatan kontrak yang telah menamatkan latihan siswazah akan ditempatkan di beberapa fasiliti perubatan di seluruh negara bermula hari ini.

Menteri Kesihatan, Dr. Zali-

ha Mustafa berkata, jumlah itu merupakan tambahan kepada seramai 675 pegawai perubatan kontrak yang sudah ditempatkan di seluruh negara pada bulan lalu.

Menurutnya, penempatan ba-

haru itu dilakukan bagi mengisi kekosongan di fasiliti berkaitan termasuk di Hospital Kuala Lumpur (HKL) susulan perpindahan pegawai perubatan ke negeri.

"Memang akan ada sedikit pengurangan jumlah doktor di

HKL kerana kita telah pindahkan mereka, namun kekosongan itu akan segera diisi.

"Kita akan pastikan bahawa perkhidmatan kesihatan seluruh negara tidak akan terjejas. Keperluan pegawai perubatan sedang

diagihkan mengikut keperluan bagi setiap fasiliti," katanya ketika ditemui selepas menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2022, Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan di sini semalam.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NEGARA

Klinik Pulau Pangkor beroperasi Jun 2024

IPOH – Klinik Kesihatan Pulau Pangkor yang dibina di atas kawasan seluas 1.2 hektar dijangka mula beroperasi pada Jun tahun hadapan.

Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Kesihatan dan Hal Ehwal Masyarakat India negeri, A.Sivanesan berkata, projek di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) dengan kos kira-kira RM24 juta itu dijangka siap sepenuhnya pada 19 April 2024.

"Projek tersebut telah mula pada 6 Oktober 2020, namun disebabkan beberapa isu termasuk kekurangan pekerja mahir dan separuh mahir selain isu logistik menyebabkan banyak bahan binaan yang sukar diperolehi.

"Projek intervensi pemuliharaan masalah-masalah ini telah dilaksanakan dan status pro-

jek dijangka pulih dalam masa terdekat," katanya pada sidang akhbar di Bilik Mesyuarat G1 di Bangunan Seri Ridzuan di sini semalam.

Menurutnya, skop projek berkenaan adalah bangunan baharu klinik kesihatan Jenis 4 yang dilengkapi dengan enam katil pemerhatian, 17 lot parkir kereta dan 33 lot parkir motosikal serta pembelian peralatan perubatan serta bukan perubatan.

Katanya, komponen projek pula terdiri daripada Unit Kesihatan Ibu dan Anak, Unit Pesakit Luar, Unit Kesihatan Pergigian, Unit Kecemasan, Unit Pengimejan Diagnostik, Unit Farmasi, Unit Makmal Perubatan, Unit Kesihatan Persekitaran, Pejabat Pentadbiran, Sickbays dan Pusat Bersalin Alternatif.



SIVANESAN (empat dari kanan) ketika mengadakan kunjungan ke tapak pembinaan Klinik Kesihatan Pulau Pangkor baru-baru ini.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : NEGARA

Unit Kecemasan HRPB mohon tambahan 30 katil pesakit

IPOH – Unit Kecemasan Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) di sini mengalami kekurangan katil yang serius bahkan fasiliti rawatan lain di hospital itu juga tidak mencukupi.

Justeru, Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Kesihatan dan Hal Ehwal Masyarakat India negeri, A. Sivanesan berkata, unit berkenaan memerlukan

perhatian segera daripada Kementerian Kesihatan.

"Unit itu hanya mempunyai 30 buah katil dan keadaan itu sudah tentu membimbangkan jika berlaku kes kemalangan yang besar. Ia memerlukan tambahan 30 unit katil lagi selain perlu dinaik taraf secara keseluruhan untuk keselesaan dan kemudahan pesakit.

"Saya minta Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa turun

padang untuk melihat sendiri keadaan unit kecemasan ini yang serba kekurangan.

"Namun, menerusi surat pertama yang kami hantar, temu janji dengan menteri dibatalkan, manakala surat kedua pula tiada maklum balas langsung dari pihak kementerian," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Sivanesan berkata, walaupun Timbalan Menteri Kesihatan dijadual akan ke Ipoh pada 15 Ogos ini, namun Menteri Kesihatan juga perlu datang dan melihat keadaan Unit kecemasan HRPB. Ini bukan isu kecil," katanya.

Menurutnya, sebelum ini bekas Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar mengemukakan peruntukkan RM6 juta

sudah diluluskan untuk naik taraf wad tersebut.

"Namun, untuk kerja naik taraf yang lebih lengkap, kira-kira RM16 juta diperlukan," katanya.

Pada Februari lalu, kerajaan negeri memohon peruntukan tambahan bagi menaik taraf Jabatan Kecemasan dan Trauma HRPB bagi memberi keselesaan kepada pesakit.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 26
RUANGAN : NEGERI

Perak rekod dua kes strok haba, satu kematian

IPOH - Perak merekodkan dua kes strok haba dengan satu kematian berikutan cuaca panas yang melanda negara bermula Mei lalu.

Exco Sumber Manusia, Kesihatan, Hal Ehwal Masyarakat India dan Integrasi Perak, A Sivanesan berkata, kedua-dua kes melibatkan anggota tentera dan anggota Pasukan Gerakan Am (PGA) yang dilaporkan pada 4 Mei dan 4 Julai lepas.

"Kes pertama adalah lelaki berusia 20 tahun yang dimasukkan ke Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) Ipoh selepas tidak sedarkan diri ketika bergasing.

"Apabila pesakit stabil, kes telah dipindahkan ke Hospital Melaka pada 26 Mei lalu," katanya dalam sidang akhbar di Bangunan Perak Darul Ridzuan di sini pada Isnin.

Beliau berkata, kes kedua pula melibatkan kematian seorang anggota PGA berusia 21 tahun yang rebah ketika mengikuti latihan di Pusat Latihan PGA Ulu Kinta, bulan lalu.

"Kes dibawa ke HRPB dan hasil siasatan mengesahkan punca kematian adalah strok haba," katanya.

Sivanesan berkata, Jabatan Kesihatan Negeri telah mengambil pendekatan awal menerusi bekerjasama dengan Tentera Darat Malaysia dan PGA bagi mengelak kes sama berulang.

Katanya, mereka dinasihatkan untuk menugaskan seorang doktor berada di lapangan sepertimana prosedur ketenteraan selain menyediakan air dan rehat mencukupi semasa latihan.

"Kita minta semua pihak untuk sentiasa berwaspada sepanjang tempoh cuaca panas ini memandangkan Monsun Barat Daya dijangka berterusan sehingga September depan," katanya.

Media sebelum ini melaporkan, seorang anggota PGA, Muhamad Irfan Irfham Badrul Hisam yang melapor diri sebagai peserta kursus latihan mengalami kekejangan secara tiba-tiba dan rebah dipercayai akibat strok haba.

Allahyarham berpangkat konstabel sempat dibawa ke Klinik Kesihatan Tanjung Rambutan untuk rawatan termasuk bantuan pernafasan, namun disahkan meninggal dunia.



SIVANESAN

Wabak batuk kokol babit 4 sekeluarga dikesan

Kes pertama melibatkan
seorang bayi lelaki
berumur 40 hari

NOR FARHANA YA'ACOB
MELAKA

Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Melaka mengesahkan terdapat satu wabak batuk kokol atau pertussis yang dilaporkan di daerah Alor Gajah pada Jumaat lalu.

Exco Kesihatan, Sumber Manusia dan Perpaduan, Ngwe Hee Sam berkata, kes pertama wabak itu melibatkan seorang bayi berumur 40 hari yang masih belum layak menerima imunisasi DTAP-IPV-Hep B-Hib.

Beliau berkata, wabak berkenaan kemudian menular dalam kalangan ahli keluarga lain yang tinggal dalam rumah itu membabitkan bapa bayi berusia 29 tahun, kakak (sebilan tahun) dan bapa saudara (32

tahun).

"Kesemua pesakit telah diberikan rawatan dan berada dalam keadaan stabil termasuk bayi berkenaan.

"Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Alor Gajah telah menjalankan aktiviti pengesanan kes secara aktif dalam kalangan kontak rapat yang telah dikenal pasti seperti keluarga, rakan sekolah dan sekitar kawasan kediaman kes," katanya pada Isnin.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machap Jaya, berkata, semua kontak rapat yang bergejala akan diberikan rawatan prophylaxis dan pengambilan sampel turut dilakukan.

Jelas beliau lagi, sebanyak 10 kes batuk kokol telah dilaporkan di Melaka dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun ini dan tiga wabak melibatkan ahli keluarga.

Ujar beliau, daripada jumlah 10 kes yang dilaporkan, empat kes (40 peratus) adalah bayi berusia bawah



HEE SAM

12 bulan dan merupakan kumpulan umur yang mencatatkan bilangan kes tertinggi.

"Bagaimanapun tiada kes dan wabak yang dilaporkan dalam tempoh sama pada tahun lalu," katanya lagi.

Terdahulu Sinar Harian melaporkan kenyataan Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Hal Ehwal

Agama, Datuk Rahmad Mariman bahawa tiada kelas yang ditutup dan setakat ini hanya 10 murid di sebuah sekolah rendah menjalani ujian saringan yang dilakukan PKD selepas mengalami gejala batuk.

Menurutnya, keputusan sama ada murid berkenaan positif batuk kokol atau sebaliknya belum diketahui dan ia akan diperoleh dalam minggu ini.

"Klinik Kesihatan Durian Tinggal telah membuat pemeriksaan secara rambang kepada 10 pelajar itu dan mereka telah diberikan cuti," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : DALAM NEGERI

1,150 lagi doktor kontrak dihantar ke fasiliti kesihatan seluruh negara

KOTA BHARU: Seramai 1,150 pegawai perubatan kontrak yang telah menamatkan latihan siswazah akan ditempatkan di beberapa fasiliti perubatan di seluruh negara bermula esok.

Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa berkata, jumlah berkenaan merupakan tambahan kepada seramai 675 pegawai perubatan kontrak yang sudah ditempatkan di seluruh negara pada bulan ini.

Menurutnya, penempatan baharu itu dilakukan bagi mengisi kekosongan di fasiliti berkaitan termasuk di Hospital Kuala Lumpur (HKL) susulan perpindahan pegawai perubatan ke negeri.

"Memang akan ada sedikit pengurangan jumlah doktor di HKL kerana kita telah pindahkan mereka, namun kekosongn

itu akan segera diisi.

"Kita akan pastikan perkhidmatan kesihatan seluruh negara tidak akan terjejas. Keperluan pegawai perubatan sedang diagihkan mengikut keperluan bagi setiap fasiliti," katanya ketika ditemui selepas menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2022, Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan di sebuah hotel di sini, semalam.

Terdahulu, sebuah portal berita kesihatan mendakwa, pemindahan untuk penempatan tetap seramai 4,200 pegawai perubatan mulai bulan ini akan menjejaskan operasi di HKL.

Keadaan itu akan menyebabkan HKL dijangka kehilangan seramai 300 pegawai perubatan yang majoriti daripadanya dikatakan akan dipindahkan ke Sabah dan Sarawak.



DR Zaliha Mustafa (tengah) beramah mesra dengan sebahagian penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan di Kota Bharu, Kelantan semalam.
- UTUSAN/ROSMIZAN RESDI

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 29
RUANGAN : DALAM NEGERI

Unit Kecemasan HRPB kurang katil pesakit

IPOH: Unit Kecemasan Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) di sini kekurangan katil untuk pesakit yang serius, juga fasiliti rawatan lain di unit itu tidak mencukupi yang memerlukan perhatian segera daripada Kementerian Kesihatan.

Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Kesihatan dan Hal Ehwal Masyarakat India negeri, A. Sivanesan berkata, unit itu hanya mempunyai 30 buah katil dan keadaan itu sudah tentu membimbangkan jika berlaku kes kemalangan yang besar.

Menurutnya, unit itu memerlukan tambahan 30 unit katil lagi selain perlu dinaik taraf secara keseluruhan untuk keselesaan dan kemudahan pesakit.

"Saya minta Menteri Kesihatan turun padang untuk melihat sendiri keadaan unit kecemasan ini yang serba kekurangan.

"Kerajaan negeri sudah dua kali mahu bertemu dengan beliau untuk membawakan masalah ini ke peringkat kerajaan Pusat.

"Namun, menerusi surat pertama yang kami hantar, temujanji dengan menteri dibatalkan manakala surat kedua pula tiada maklum balas daripada pihak kementerian.

"Walaupun Timbalan Men-



A. SIVANESAN

teri Kesihatan dijadual akan ke Ipoh pada 15 Ogos ini, Menteri Kesihatan juga perlu datang dan melihat keadaan Unit kecemasan HRPB, ini bukan isu kecil," katanya dalam sidang akhbar di pejabatnya di sini semalam.

Menurutnya, sebelum ini bekas Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar mengumumkan peruntukkan RM6 juta sudah diluluskan untuk naik taraf wad tersebut.

"Namun untuk kerja naik taraf yang lebih lengkap, kira-kira RM16 juta diperlukan," katanya.

Pada Februari lalu, kerajaan negeri memohon peruntukan tambahan bagi menaik taraf Jabatan Kecemasan dan Trauma HRPB bagi memberi keselesaan kepada pesakit.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Covid SOP for state elections

KOTA BHARU: The Health Ministry will announce the standard operating procedures (SOP) related to Covid-19 for polls in the six states, including the Kuala Terengganu parliamentary by-election, in two or three days.

Polling day for the six states and the parliamentary by-election is Aug 12.

Health Minister Dr Zaliha Mustafa said the ministry is holding a meeting with the Election Commission (EC) to discuss the SOP for polling day, especially for Covid positive individuals.

"For now, the election campaign can carry on under existing guidelines," she said after presenting excellent service awards to 1,363 staff of the Kelantan Health Department yesterday.

The Health Ministry earlier said the SOP that was used during the 15th general election would be used for the state polls.

It said discussions with the EC and the National Security Council would be held if there is a need for a new SOP.

Zaliha also said 675 contract medical officers have been given placements at several health facilities nationwide.

— Bernama